

21/03/1999

Generasi muda perlu ada daya juang: PM

PONTIAN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, generasi muda tidak mampu menghadapi sebarang cabaran dan rintangan bagi mencapai Wawasan 2020 tanpa semangat juang yang berterusan.

Perdana Menteri berkata, bagi memastikan daya juang dan saing generasi muda negara tidak mudah luntur, program motivasi secara bersepadu, teratur dan seragam perlu dilaksanakan di seluruh negara.

Menurutnya, hanya melalui proses bina semangat secara berterusan dan terancang, generasi muda tidak mudah tunduk kepada godaan dan tekanan yang boleh memesongkan mereka daripada matlamat menjadikan Malaysia negara maju pada abad akan datang.

Katanya, kajian dua tahun Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) menunjukkan remaja Melayu ramai terbabit dalam jenayah menjadi bukti bahawa golongan itu masih memerlukan tumpuan dan bimbingan masyarakat.

"Sewajarnya pelajar sama ada di sekolah atau institusi pengajian tinggi (IPT) dapat memberi tumpuan kepada pelajaran dan tidak mudah terpengaruh dengan unsur tidak sihat yang boleh menjejaskan masa depan mereka.

"Program motivasi bersepadu yang dianjurkan oleh GPMS umpamanya adalah satu pelaburan sumber manusia jangka panjang yang dapat dimanfaatkan oleh institusi kerajaan dan swasta pada masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutusan buku cenderamata Program Motivasi Pendidikan Nasional peringkat Parlimen Pontian anjuran bersama GPMS dan Kementerian Pendidikan di Sekolah Menengah Datuk Penggawa Barat di sini, semalam.

Majlis itu dirasmikan oleh ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kukup, Datuk Ahmad Abdullah. Turut hadir, Presiden GPMS, Datuk Suhaimi Ibrahim.

(END)